

**PERJANJIAN LESEN PENGGUNA AKHIR INI** (“EULA”) adalah di antara BlackBerry Limited (“BlackBerry”) dan anda (sama ada bagi pihak anda sendiri atau bagi pihak syarikat atau entiti lain sebagai wakil yang dibenarkan).

EULA berkenaan hak penggunaan perisian sistem pengendalian Android iaitu hak milik BlackBerry dan/atau anak syarikat BlackBerry ataupun yang mana BlackBerry atau anak syarikat BlackBerry mengenal pasti dirinya khusus sebagai pemberi lesen perisian sedemikian dan untuk apa-apa jenis kemas kini dan/atau sebarang tambahan seterusnya, yang mana perisian sedemikian disediakan bersama peranti pada masa jualan atau sebaliknya tersedia untuk dimuat turun (misalnya dari stor Google Play) dan pemasangan pada peranti sebagai aplikasi (“**Perisian**”) dan kepada mana-mana perkhidmatan yang berkaitannya, kecuali terma-terma lain yang terikat bersama Perisian atau perkhidmatan tersebut.

Untuk kejelasan, Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry dan/atau terma-terma lain, dan yang bukan EULA ini, dikenakan kepada perisian perusahaan dan/atau tawaran perkhidmatan perusahaan BlackBerry dan anak syarikat BlackBerry termasuk (tanpa had): BlackBerry Enterprise Service, Watchdox, SecuSmart, AtHoc, Good, Movirtu, sebarang perisian perusahaan dan perkhidmatan perusahaan yang lain untuk peranti yang menggunakan sistem pengendalian Android dan sebarang perisian perusahaan dan perkhidmatan perusahaan yang dikenal pasti di [www.blackberry.com/enterprise](http://www.blackberry.com/enterprise) dari masa ke masa.

**DENGAN MEMUAT TURUN, MEMASANG DAN/ATAU MENGGUNAKAN PERISIAN DAN/ATAU PERKHIDMATAN, ANDA MENERIMA TERMA-TERMA UNTUK EULA INI. ANDA AKAN MEMPUNYAI HAK PENGGUNAAN PERISIAN DAN/ATAU PERKHIDMATAN JIKA ANDA MEMATUHI TERMA-TERMA EULA INI.**

1. **UMUR DEWASA.** Anda mesti sekurang-kurangnya berumur tiga belas (13) tahun dan sama ada melebihi umur dewasa, yang bebas atau yang mempunyai persetujuan ibubapa atau penjaga dan berkebolehan serta kompeten sepenuhnya untuk memasuki perjanjian EULA ini.
2. **SKOP LESEN.** Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat EULA ini dan sebarang terma lain yang terikat bersama Perisian atau perkhidmatan sedemikian, BlackBerry memberikan anda lesen peribadi, yang boleh batal, tidak eksklusif, tidak boleh dipindah untuk dimuat turun, memasang atau menggunakan Perisian dan penggunaan sebarang perkhidmatan yang berkaitan, untuk kegunaan dalaman atau kegunaan peribadi. Perisian ini dilesenkan dan tidak boleh dijual di bawah EULA ini.
3. **PERISIAN PIHAK KETIGA.** Dalam usaha untuk mendapat, mengakses atau menggunakan Perisian atau perkhidmatan (atau sebahagian daripada perkhidmatan) anda mungkin diperlukan untuk mendapat, mengakses dan/atau menggunakan perisian atau perkhidmatan pihak ketiga. Anda mesti memastikan yang anda diberi kebenaran untuk mendapat, mengakses dan menggunakan perisian pihak ketiga tersebut dan anda mematuhi semua peraturan penggunaan yang berkaitan dengan storefront digital pihak ketiga yang anda memperoleh perisian atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut. Perisian mungkin juga termasuk program pihak ketiga yang dilesenkan BlackBerry, bukan pihak ketiga, kepada anda di bawah EULA ini. Notis, jika ada, bagi perisian atau program pihak ketiga telah disertakan untuk makluman anda sahaja.
4. **YURAN DAN LANGGANAN.** Yuran mungkin dikenakan kepada Perisian dan/atau perkhidmatan (atau sebahagian daripada perkhidmatan) dan lesen anda untuk memuat turun, memasang dan menggunakan Perisian dan perkhidmatan adalah tertakluk kepada bayaran yuran lesen yang berkenaan. Jika anda memperoleh Perisian dan perkhidmatan (atau sebahagian daripada perkhidmatan) secara langganan atau sebagai sebahagian daripada percubaan percuma, maka lesen yang dinyatakan di atas hanya dikenakan kepada tempoh masa yang anda telah membayar yuran langganan yang diperlukan atau untuk tempoh masa percubaan.
5. **PENGIKLANAN.** Perisian mungkin mengandungi iklan pihak ketiga kecuali jika anda telah melanggan untuk Perisian atau perkhidmatan khusus yang tidak termasuk iklan pihak ketiga.

6. **SEKATAN PENGGUNAAN.** Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Seksyen 2 (Skop Lesen), anda tidak boleh: (i) memuat turun, memasang atau menggunakan Perisian atau menggunakan perkhidmatan; (ii) menyalin, mengubah, memindah, menyesuai, mengubah atau mencipta karya terbitan berdasarkan Perisian atau perkhidmatan secara keseluruhan atau sebahagian; (iii) menyewa, memajak, sublesen, menjual atau sebaliknya memindahkan Perisian atau perkhidmatan kepada mana-mana pihak ketiga; (iv) menjalankan kerja di luar had teknikal, termasuk langkah balas cetak rompak, dalam mana-mana Perisian atau perkhidmatan; atau (v) kejuruteraan berbalik, nyahkompil, memisahkan, menghapuskan pepijat, menyambung, meniru atau cetak rompak mana-mana Perisian atau perkhidmatan, kecuali semata-mata setakat mana, sungguhpun terdapat pembatasan yang berkenaan, ia tidak diizinkan kepada BlackBerry untuk melarang aktiviti tersebut menurut mana-mana undang-undang yang berkenaan.
7. **KEMAS KINI.** BlackBerry boleh mengubah atau membatalkan ketersediaan mana-mana Perisian atau perkhidmatan pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis. Anda tidak boleh menggunakan Perisian atau perkhidmatan dalam mana-mana cara yang boleh merosakkan atau menjejaskan penggunaan orang lain. Anda tidak boleh menggunakan Perisian atau perkhidmatan untuk mencuba mendapatkan akses yang tidak dibenarkan bagi mana-mana perkhidmatan, data, akaun atau rangkaian dengan apa-apa cara pun.
8. **SOKONGAN.** Sokongan jenis web percuma akan disediakan oleh BlackBerry kepada pelanggan mengikut langganan Perisian dan perkhidmatan semasa terma langganan.
9. **PENAMATAN.** Anda bebas untuk berhenti menggunakan Perisian dan perkhidmatan ini serta membatal langganan pada bila-bila masa. Anda tidak diperlukan untuk memaklumkan BlackBerry. Lesen di bawah EULA ini akan tamat secara automatik apabila: (a) tempoh percubaan tamat dan tidak diperbaharui atau diganti dengan tawaran alternatif kami, (b) apabila anda berhenti membayar apa-apa caj yang dikenakan atau melanggar EULA ini, (c) BlackBerry berhenti mengeluarkan Perisian atau perkhidmatan yang tersedia secara am, atau (d) apabila anda diberi notis penamatan oleh kami. Selepas penamatan, semua hak yang diberikan kepada anda di bawah lesen ini akan berhenti dan anda mesti memadam atau mengeluarkan Perisian dari semua produk dimiliki dan dikawal oleh anda dan serta-merta berhenti menggunakan Perisian dan mana-mana perkhidmatan.
10. **KESELURUHAN PERJANJIAN.** EULA ini dan terma-terma untuk penambahan, kemas kini dan perkhidmatan yang anda guna, membentukkan keseluruhan perjanjian Perisian dan perkhidmatan.
11. **UNDANG-UNDANG BERKENAAN.** EULA ini ditadbir dan ditafsirkan di bawah undang-undang Wilayah Ontario, Kanada, tidak termasuk mana-mana badan undang-undang yang mengawal konflik undang-undang. Mahkamah Toronto, Ontario, Kanada mempunyai bidang kuasa bukan eksklusif. Jika undang-undang Wilayah Ontario, Kanada tidak diiktiraf oleh mahkamah negara anda, maka EULA ini akan ditadbir dan ditafsirkan oleh undang-undang setempat anda.
12. **KEBERKESANAN PERUNDANGAN.** EULA ini menerangkan hak undang-undang tertentu. Anda mungkin mempunyai hak yang lain di bawah undang-undang negara anda. Anda juga mungkin mempunyai hak berkenaan dengan pihak anda memperolehi perisian pihak ketiga. EULA ini tidak mengubah hak-hak anda di bawah undang-undang negara anda jika undang-undang negara anda tidak membenarkannya berbuat demikian.
13. **PENAFIAN WARANTI, PERISIAN DAN PERKHIDMATAN INI DILESENKEN "SEBAGAIMANA ADANYA" DAN UNTUK AKSES SERTA KEGUNAAN HANYA MENGIKUT DOKUMEN YANG DISEDIAKAN OLEH BLACKBERRY. ANDA MENANGGUNG RISIKO MENGGUNAKANNYA. BLACKBERRY TIDAK MEMBERIKAN WARANTI, JAMINAN ATAU SYARAT LISAN. ANDA MUNGKIN MEMPUNYAI HAK PENGGUNA TAMBAHAN ATAU JAMINAN BERKANUN DI BAWAH UNDANG-UNDANG SETEMPAT ANDA YANG TIDAK DAPAT DIUBAHKAN OLEH EULA INI. SETAKAT YANG DIBENARKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG**

**SETEMPAT ANDA, BLACKBERRY MENGEJUALIKAN WARANTI TERSIRAT KEBOLEHDAGANGAN, KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DAN BUKAN PELANGGARAN.**

14. **AUSTRALIA.** ANDA MEMPUNYAI JAMINAN BERKANUN DI BAWAH UNDANG-UNDANG PENGGUNA AUSTRALIA DAN TIADA APA-APA DALAM SYARAT-SYARAT INI BERTUJUAN UNTUK MENJEJASKAN HAK-HAK TERSEBUT. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI WAKIL BLACKBERRY DI 1 800 039 536.
15. **HAD DAN PENGEJUALIAN.** ANDA HANYA BOLEH MENUNTUT DARI BLACKBERRY KEROSAKAN LANGSUNG SEHINGGA JUMLAH YANG DIBAYAR KEPADA BLACKBERRY UNTUK PERISIAN ATAU PERKHIDMATAN BAGI TIGA BULAN SEBELUM PERISTIWA YANG MENYEBABKAN TUNTUTAN ANDA. ANDA TIDAK BOLEH MENUNTUT MANA-MANA KEROSAKAN LAIN, TERMASUK KEROSAKAN SETERUSNYA, KERUGIAN, GANTI RUGI KHAS, TIDAK LANGSUNG ATAU SAMPINGAN.
16. **HAD APLIKASI.** Hak ini dikenakan: (A) kepada apa-apa yang berkaitan dengan Perisian dan perkhidmatan; dan (B) sungguhpun jika BlackBerry mengetahui atau harus ketahui tentang kemungkinan kerosakan. Had atau pengejualan di atas tidak dikenakan: (I) kepada anda jika negara anda tidak membenarkan BlackBerry untuk mengejualkan atau mengehadkan liabilitinya, di mana liabiliti BlackBerry hendaklah dihadkan dan dikejualkan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang negara anda; dan (II) berhubungan dengan apa-apa kandungan pihak ketiga (termasuk kod), laman internet pihak ketiga, perisian serta data pihak ketiga, yang mana liabiliti BlackBerry akan dikejualkan sepenuhnya.
17. **DASAR PRIVASI DAN PERSETUJUAN UNTUK MEMPROSES MAKLUMAT PERIBADI.** BlackBerry komited untuk mengekalkan privasi dan keselamatan maklumat peribadi anda. Penggunaan Perisian dan perkhidmatan BlackBerry oleh anda mungkin mengakibatkan pemprosesan maklumat peribadi anda. Pemprosesan maklumat peribadi anda termasuk mengumpul, menggunakan, memproses, memindah, menyimpan atau mendedahkan maklumat peribadi anda. Maklumat peribadi yang diproses oleh BlackBerry, anak syarikat BlackBerry serta pembekal perkhidmatannya akan dikendalikan mengikut Dasar Privasi BlackBerry (dengan ini digabungkan melalui rujukan kepada EULA ini dan boleh dibaca di [www.blackberry.com/legal](http://www.blackberry.com/legal)).